

WASPADA ASPEK KESELAMATAN

info

Antara aktiviti lasak atau ekstrem digemari mahasiswa

- Mendaki gunung
- Berkayak
- Berakit meredah arus deras
- Sukan go-kart
- Sukan motorcross
- Sukan paintball
- Selaman skuba

➔ Mahasiswa berdepan risiko dalam menjalani pelbagai aktiviti lasak, ekstrem

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Insiden kemalangan go-kart yang meragut nyawa dua beranak pada Perlumbaan Inovasi Pendidikan Sukan Motor dan Automotif (EIMARace) 2016,

baru-baru ini, turut menekan 'butang peringatan' mengenai risiko keselamatan dihadapi mahasiswa dalam menjalani pelbagai aktiviti lasak dan ekstrem.

Menyedari perkara itu bukan soal yang boleh dipandang enteng, sebarang penganjuran aktiviti pelajar dikehendaki mendapat kelulusan pihak universiti, termasuk bagi memastikan setiap peserta

mendapat perlindungan insurans.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata jika suatu program diteruskan tanpa kelulusan pihak universiti, syarikat insurans berkemungkinan besar tidak akan memberi sebarang perlindungan atau bayaran pampasan sekiranya berlaku kejadian tidak diingini. **V2**

Siapkan diri hadapi sebarang kejadian sewaktu aktiviti

← Dari V1

“Secara keseluruhan, setiap pelajar diberikan perlindungan insurans apabila mendaftar di universiti masing-masing. Jika berlaku sebarang kejadian sama ada di dalam atau luar kampus, termasuk ketika menyertai program di luar negara yang mendapat kelulusan, pihak universiti akan mengambil tindakan sewajarnya untuk kebajikan pelajar terbabit.

“Sekiranya tidak (mendapat kelulusan) tetapi mereka tetap meneruskan aktiviti itu dan berlaku sebarang kejadian, sukar untuk

pihak universiti mengambil tindakan sedemikian,” katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Prof Mohammad Shatar berkata, pelajar yang ingin menganjurkan sebarang aktiviti perlu mengemukakan kertas cadangan kepada pengetua kolej masing-masing sebelum diserahkan untuk pertimbangan kelulusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Buat pembentangan

Dalam konteks ini, beliau berkata, pelajar perlu membuat pembentangan kepada pegawai bahagian itu mengenai penganjuran berkenaan,



Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran

termasuk dari segi kewangan.

“Pihak universiti juga akan mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan keselamatan pelajar. Jika berbahaya untuk mereka, program atau aktiviti itu mungkin tidak akan diluluskan,” katanya.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal, berkata pelajar yang ingin menganjurkan atau menyertai aktiviti berisiko harus mengutamakan aspek keselamatan dengan membuat persediaan

rapi, selain memperoleh kelulusan pihak universiti.

Lengkapi diri

“Peserta harus menjalani latihan dan mengikuti taklimat sebelum memulakan suatu aktiviti itu. Ini kerana mereka perlu melengkapi diri dengan kemahiran sebagai persiapan menghadapi sebarang kejadian tidak diingini.

“Bagaimanapun, pihak universiti tidak menggalakkan pelajar untuk berkelah atau menjalankan aktiviti di kawasan air terjun berikutan pelbagai isu yang berlaku seperti jangkitan kencing tikus,” katanya.